



# جاتن کاکین شریعہ ملیسیا

## JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM)

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : JKSM/100-24/5 (41)

Takwim : 13 JamadilAwwal, 1425H

Tarikh : 01 Julai, 2004

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie  
Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-negeri

### Arahan Amalan No.13 Tahun 2004

#### Penghinaan Di Luar Mahkamah

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil 1 Tahun 2004 pada 8-9hb Jun 2004 bersamaan 19 - 20 Rabiulakhir, 1425H di Subang Jaya, Selangor telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berhubung prosedur dan carta aliran kerja kes Penghinaan Mahkamah adalah seperti berikut:-

#### 1. Penghinaan Di Luar Mahkamah

a. Penghinaan diluar Mahkamah termasuklah:-

i. Keengganan mematuhi apa-apa perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah ; atau

ii. Mengeluarkan apa-apa kenyataan samada secara lisan atau bertulis oleh mana-mana orang atau badan atau pertubuhan atau organisasi yang adalah satu perbuatan menghina Mahkamah Syariah.

b. Prosiding Penghinaan di luar Mahkamah bolehlah dimulakan oleh samada Pendakwa Syarie atau mana-mana orang yang berkepentingan.

c. Mahkamah hendaklah mendaftar dan membicarakan permohonan penghinaan mahkamah mengikut undang-undang yang diperuntukkan.

- d. Jika Mahkamah berpuashati bahawa orang yang menghina Mahkamah harus dikomitkan ke penjara, perintah pengkomitan ke penjara hendaklah ditetapkan bahawa pesalah itu hendaklah dipenjarakan sehingga pesalah itu membersihkan diri dari kesalahan penghinaan mahkamah itu dengan meminta maaf tanpa syarat kepada Mahkamah dan orang lain yang ada kepentingan dan juga mematuhi perintah Mahkamah yang diingkari atau memberhentikan perbuatan lain yang menghina Mahkamah dan sekiranya pesalah gagal berbuat demikian, pesalah akan dipenjara sehingga tempoh yang ditetapkan oleh Mahkamah yang tidak melebihi had maksima penjara bagi kesalahan menghina mahkamah.
- e. Tiada apa-apa permohonan atau tuntutan dari orang yang dituduh menghina mahkamah itu boleh didengar oleh Mahkamah selagi perintah penghakiman terdahulu belum dipatuhi dengan sepenuhnya.

Arahan ini berkuatkuasa mulai 8 Jun,.2004.

(Datuk Sheikh Ghazali Bin Abdul Rahman)  
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie,  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

PUTRAJAYA 2004